

[UNTUK SIARAN SEGERA]

**Zurich Malaysia bekerjasama dengan Shopee Malaysia sebagai rakan digital pertamanya dalam memperluaskan akses Insurans dan Takaful motosikal**



**Kuala Lumpur, 14 November, 2024**

Dalam usaha untuk meningkatkan akses dan pemilikan insurans serta takaful dalam kalangan penunggang motosikal di Malaysia, **Zurich Malaysia (Zurich)** telah memperluaskan kerjasamanya dengan **SeaMoney Capital** untuk menawarkan **Insurans Z-Rider dan Takaful Z-Rider** mereka yang komprehensif di **Shopee**, platform e-dagang terkemuka di Asia Tenggara.

Tawaran baharu ini menjadikan **Zurich** rakan kongsi digital pertama yang menawarkan insurans motosikal digital dan takaful di platform **Shopee**, serta memperluaskan portfolio tawaran insurans dan takaful yang terdapat pada platform e-dagang itu.

Dengan lebih daripada **16 juta motosikal berdaftar**, sebahagian besar rakyat Malaysia bergantung pada motosikal sebagai nadi kehidupan mereka, sebagai sebahagian daripada tugas harian, pengangkutan dan cara kerja utama mereka, terutamanya bagi mereka yang terlibat dalam ekonomi gig.

Dalam usaha untuk menjadikan insurans dan takaful motosikal lebih mudah diakses dan mampu milik, kerjasama ini membolehkan pengguna mengakses pelan motosikal holistik dan inklusif **Zurich** melalui platform **Shopee**, dengan

menggunakan kepakaran e-dagang jenama itu untuk menyediakan pengguna dengan pengalaman pembelian insurans dan takaful yang mudah serta boleh diakses. Kerjasama ini turut mengukuhkan strategi digital **Zurich** di bawah inisiatif '**Zurich Edge**' untuk menawarkan rangkaian tawaran digital hujung ke hujung yang lancar melalui rakan kongsinya.

### **Perlindungan Percuma & Tambahan**

**Insurans Z-Rider** dan **Takaful Z-Rider Zurich** bertujuan untuk menyediakan perlindungan menyeluruh untuk penunggang motosikal. Perlindungan untuk kedua-dua tawaran ini termasuk:

<b>Perlindungan</b>	<b>Insurans/Takaful Z-Rider Comprehensive (Plus)</b>
<b>Kehilangan atau Kerosakan Motosikal anda sendiri akibat kebakaran, kecurian atau kemalangan yang tidak disengajakan</b>	✓
<b>Kehilangan atau Kerosakan Harta Pihak Ketiga</b>	✓
<b>Kcederaan Badan dan Kematian Pihak Ketiga</b>	✓

Di samping perlindungan ini, apabila pengguna membeli **Insurans** atau **Takaful Z-Rider Comprehensive (Plus) Zurich** di **Shopee**, mereka akan menerima perlindungan percuma yang termasuk:

- **Penggantian Topi Keledar**
- **Elaun Peril Khas Terhad**
- **Peningkatan Had untuk Kos Tunda Kemalangan**
- **Kos Tunda Kerosakan / Kecemasan**
- **Perlindungan Kemalangan Diri**

Bagi memenuhi keperluan dan gaya hidup rakyat Malaysia yang pelbagai, **Zurich** juga menawarkan perlindungan tambahan untuk meningkatkan keselamatan dan memberi ketenangan fikiran pengguna apabila berhadapan dengan situasi tidak dijangka. Pengguna boleh memilih untuk membeli perlindungan tambahan berikut untuk melindungi motosikal mereka secara menyeluruh:


- **Perlindungan Liabiliti Penumpang**
- **Perlindungan Bencana Alam**
- **Perlindungan Mogok, Rusuhan dan Kekacauan Awam**

Berkongsi mengenai kerjasama ini, **Alain Yee, Ketua SeaMoney** berkata “Sebagai sebahagian daripada industri e-dagang, sebahagian besar tenaga kerja kami bergantung pada penggunaan motosikal dalam kehidupan sehari-hari. Dengan itu, kami percaya bahawa kepentingan yang sama perlu diletakkan pada kemudahan akses dan harga mampu milik insurans bagi memastikan penunggang (motosikal) dilindungi.”


**Junior Cho, Ketua Pegawai Eksekutif Negara/Ketua Zurich Malaysia**, berkata, “Memastikan rakyat Malaysia mempunyai akses mudah dan mampu milik kepada perlindungan menyeluruh adalah prinsip asas kami di **Zurich**. Kerjasama kami bersama **SeaMoney** dan **Shopee** membolehkan kami melindungi lebih ramai penunggang motosikal, menawarkan mereka cara yang mudah dan selamat untuk membeli pelan perlindungan **Insurans Z-Rider dan Takaful Z-Rider** kami. Tawaran baharu ini, yang dibangunkan sebagai sebahagian daripada strategi **Zurich Edge**, membuktikan kemajuan dan kejayaan berterusan kami dalam mengutamakan pengalaman digital. Kerjasama ini adalah visi bersama kami untuk melindungi segala perkara yang bermakna dengan memperkasakan rakyat Malaysia dengan perlindungan kewangan yang inklusif, membantu rakyat Malaysia kekal selamat dan berdaya tahan dalam perjalanan harian mereka.”

**Tersedia di aplikasi Shopee, pembelian Insurans/Takaful Z-Rider anda boleh diselesaikan dalam masa kurang dari 3 minit:**


**Langkah 1:** Akses Aplikasi Shopee dan pergi ke Halaman "**Saya**". Di sini, klik pada "**Insurans**"



**Langkah 2:** Klik pada “**Motosikal**”, dan masukkan butiran anda untuk menerima sebut harga



**Langkah 3:** Selepas menerima sebut harga anda, pilih pelan **Z-Rider** pilihan anda dan teruskan untuk melengkapkan pembelian anda



Untuk mendapatkan perlindungan atau untuk mengetahui lebih lanjut tentang **Insurans Z-Rider** dan **Takaful Z-Rider** di **Shopee**, layari: <https://shopee.com.my/m/motorcycle-insurance>

-----[TAMAT]-----

### **Mengenai SeaMoney**

SeaMoney adalah pembekal perkhidmatan pembayaran digital dan kewangan utama di Asia Tenggara. Misi SeaMoney adalah untuk meningkatkan kualiti hidup individu dan perniagaan serantau dengan perkhidmatan kewangan melalui teknologi. Penawaran SeaMoney termasuk dompet mudah alihnya, ShopeePay, yang memberikan pengguna pilihan pembayaran yang mudah, selamat, secara dalam talian dan luar talian. SeaMoney juga menawarkan perkhidmatan lain termasuk SPayLater, sebuah kaedah penyelesaian pembiayaan pengguna yang membolehkan pengguna mendapat fleksibiliti kewangan dengan kurang sekatan; serta perkhidmatan kewangan digital lain seperti mikro-pinjaman untuk pengguna dan perniagaan.

Sealnsure Agency Malaysia Sdn. Bhd. ialah ejen korporat yang dilantik untuk bertindak sebagai pihak penanggung insurans berkenaan dengan pengedaran produk insurans di platform Shopee.

### **Tentang Zurich Malaysia**

**Zurich Malaysia** adalah istilah rujukan kolektif bagi anak-anak syarikat Zurich Insurance Group (Zurich) yang beroperasi di Malaysia: Zurich General Insurance Malaysia Berhad, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad, Zurich General Takaful Malaysia Berhad dan Zurich Takaful Malaysia Berhad. Zurich Malaysia menawarkan pelbagai penyelesaian insurans dan takaful yang komprehensif; membantu individu dan juga pemilik perniagaan memahami dan melindungi diri, perniagaan dan juga asset mereka daripada risiko. Zurich Malaysia mempunyai rangkaian cawangan bersepadu di bandar-bandar utama di seluruh negara dan juga agensi dan saluran pengedaran yang berdedikasi di seluruh negara untuk memenuhi keperluan pelanggan. Untuk maklumat lanjut mengenai Zurich Malaysia, layari [www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my).

### **About Zurich Edge**

Zurich Edge is a flagship digital partnerships proposition that delivers tailored and innovative solutions for customers within a partner's ecosystem. With its open architecture full-stack platform, Zurich Edge enables seamless journeys, personalized experiences, and optimization capabilities to drive deeper engagement with digital consumers and unlock unparalleled value for partners' businesses. Leveraging Zurich's strong insurance expertise, Zurich Edge comes with a dedicated digital squad in each Asia Pacific market to co-create and launch insurance opportunities that deliver competitive advantages.